

16 APR 2002

PETRONAS-GERUDI/I

PETRONAS AKAN MULA GERUDI MINYAK DI MAHGRIBI SEBELUM AKHIR 2002

Oleh: Mohd Arshi Daud

RABAT, 16 April (Bernama) -- Petronas akan memulakan aktiviti penggerudian minyak di dua blok penerokaan luar pesisir Mahgribi sebelum akhir tahun ini, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat minyak nasional itu, Tan Sri Mohd Hassan Marican hari ini.

"Kami akan menggerudi di Tiznit dan Cap Draa Haute Mer Permit sebelum hujung tahun ini," kata beliau semasa pertemuan delegasi dari Malaysia dan Maghribi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai delegasi Malaysia manakala Perdana Menteri Mahgribi Abdurrahmane Youssoufi mengetuai delegasi negaranya.

Dr Mahathir sedang dalam rangka lawatan selama empat hari ke Mahgribi dengan mengetuai rombongan seramai 185 anggota yang terdiri daripada menteri-menteri kabinet, pegawai tinggi kerajaan dan ahli perniagaan.

Ia berkenaan merupakan sebahagian daripada lawatan Perdana Menteri selama seminggu ke tiga buah negara Arab termasuk Libya dan Bahrain yang bertujuan mengukuhkan hubungan ekonomi dan dua hala antara Malaysia dan negara-negara berkenaan.

Pada 2001, Petronas telah memperoleh 42.5 peratus kepentingan di Blok Tiznit, yang terletak di kawasan air yang mempunyai kedalaman antara 100 hingga 1,000 meter, luar pesisir Maghribi.

Blok berkenaan dikendalikan dan dimiliki oleh Energy Africa, anak syarikat Afrika Selatan ENGEN Ltd. dengan pegangan sebanyak 42.5 peratus.

ENGEN merupakan anak syarikat Petronas dengan pemilikan 80 peratus.

Energy Africa juga menguasai 26.67 peratus kepentingan di Cap Draa Haute Mer Permit, sebuah lagi blok penerokaan yang terletak di luar pesisir Maghribi.

Hassan berkata Petronas akan membantu Maghribi dalam melatih rakyatnya dalam penerokaan minyak dan akan berkongsi pengalaman dengan Maghribi dalam penggunaan gas untuk penjanaan kuasa.

Hassan menandatangani dua Kontrak Peninjauan dengan Office National de Recherches et d'Exploitations Pétrolières (ONAREP), syarikat minyak nasional Maghribi.

Pemeteraian perjanjian itu adalah bagi kawasan darat di Lembangan Missouri dan kawasan luar pesisir Rabat Sale Haute Mer.

Kontrak berkenaan akan membolehkan pemberian Lesen Peninjauan oleh kementerian Maghribi yang berkaitan dengan tenaga.

Yang menandatangani bagi pihak ONARE ialah Ketua Pengarahnya Madame Amina Benkhadra.

Dr Mahathir dan Abdurrahmane menyaksikan pemeteraian perjanjian berkenaan.

--BERNAMA

MAD FR NHD